

4 atlet UPM wakili negara

EMPAT mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) melakar nama institusi itu di persada antarabangsa apabila terpilih mewakili negara ke Sukan Olimpik 2012 di London.

Mereka ialah Cheng Chu Sian untuk sukan memanah, Leong Mun Yee dan Cheong Jun Hoong (sukan terjun) dan Yu Peang Kean (lawan pedang).

Daripada 28 atlet yang mewakili Malaysia ke Sukan Olimpik London, Iapan

pelajar daripada institusi pengajian tinggi dan UPM menyumbangkan pelajar teramai menyertai sukan itu.

Peang mahasiswa Fakulti Pengajian Pendidikan manakala yang lain dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi berkata, pemilihan itu sangat membanggakan UPM dan berharap mampu

melakar kejayaan di persada antarabangsa.

"Ini memberi penghargaan tersendiri kepada UPM dan berharap mereka mampu melakar nama, sekali gus memberi pengiktirafan kepada negara.

"Pada masa sama membuktikan UPM sangat optimis menyokong matlamat kerajaan melahirkan 'The Thinking Athletes' seperti disasarkan," katanya.